

■ Pusat borong terkemuka dalam pembinaan peringkat akhir

Oleh Siraj Mohd Zaini
siraj@hmetro.com.my
Klang

GM Klang siap Oktober

Gamuda GM Sdn Bhd (Gamuda GM) membina bangunan perniagaan 12 tingkat di Bandar Botanic, di sini, yang dijangka siap sepenuhnya Oktober ini.

Pengarah Urusannya, Datuk Lim Seng Kok berkata, projek dibangunkan bersebelahan bangunan fasa kedua itu mempunyai lima tingkat kawasan parkir, 11 tingkat lot pemborongan serta satu tingkat pusat penjaja pelbagai barangan.

Menurutnya, bangunan terbabit mempunyai 32,000 meter persegi ruang untuk disewa yang bakal menempatkan 1,500 pemborong apabila dibuka kelak.

“Projek pembinaannya kini melalui fasa akhir dan dijangka selesai Julai ini. Selanjutnya hanya menunggu kelulusan pelbagai pihak bertanggungjawab sebelum dijadualkan dibuka Oktober ini.

“la memberi pengkhusu-

san kepada pemborong kategori pakaian dan fesyen untuk memasarkan barangan dan produk masing-masing,” katanya ketika ditemui, di sini, baru-baru ini.

Beliau berkata, fasa pertama dan kedua GM Klang kini menempatkan lebih 1,000 unit lot pemborongan sejak mula dibuka pada 2009.

Katanya, pihaknya berci-

ta-cita menjadi pusat pemborongan serantau di Asia Tenggara pada masa akan datang.

Lim berkata, sehingga kini pihaknya menerima maklum balas positif orang ramai dan ada yang mengumpamakan GM Klang sebagai pusat sehati.

“Selepas di Klang dan Kuala Lumpur, kami bakal

membuka sebuah lagi pusat pemborong di Jalan Pudu dalam masa setahun atau dua tahun lagi yang bakal diberi nama GM Bukit Bintang.

“Ada juga rancangan membangunkan pusat pemborong GM di serata negara dan luar negara seperti di Hanoi dan Ho Chi Minh bagi membolehkan perdagangan dan perniagaan dua hala dilaksanakan,” katanya.



“Kami bercita-cita menjadi pusat pemborongan serantau di Asia Tenggara pada masa depan”
Lim Seng Kok

IKLAN
meng
perki
SME
OKU
per

S
K
M
r
H
i
L